

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN**  
**[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah undang-undang akan digubal semula untuk tujuan pemansuhan hukuman mati. Jika tidak, mengapa; dan
- (b) nyatakan dan senaraikan mengikut tahun jumlah mereka yang telah dihukum mati oleh mahkamah dan digantung hingga mati sejak tahun 1957- 2015.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini melalui Jabatan Peguam Negara masih sedang meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di Negara ini.
2. Skop penelitian tersebut tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori sahaja, sebaliknya merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di Negara ini dan juga pelaksanaannya.
3. Keputusan dasar berhubung dengan pelaksanaan hukuman mati di Negara ini akan diputuskan berdasarkan hasil penelitian tersebut.
4. Statistik oleh Jabatan Penjara pada 6 Oktober 2015 menunjukkan terdapat seramai 1,022 banduan yang telah disabitkan dengan hukuman mati oleh Mahkamah. Walau bagaimanapun hukuman mati tersebut belum dapat dilaksanakan kerana banduan-banduan berkenaan masih lagi dalam proses rayuan di Mahkamah iaitu seramai 604 orang dan rayuan kepada Lembaga Pengampunan Negeri seramai 418 orang.
5. Dari tahun 1998 hingga 6 Oktober 2015, sejumlah 33 banduan telah dilaksanakan hukuman mati kerana terlibat dengan pelbagai kesalahan.

6. Manakala dalam tempoh yang sama, seramai 127 banduan hukuman mati telah mendapat peringanan hukuman atau pengampunan setelah Lembaga Pengampunan Negeri mempertimbangkan rayuan atau petisyen mereka di bawah Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

Sekian, terima kasih.